



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

NAMA KURSUS : SEJARAH SENI & SENIBINA TIMUR  
KOD KURSUS : DRD1103  
PEPERIKSAAN : JUN 2023  
MASA : 2 JAM 30 MINIT

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (10 Markah)  
BAHAGIAN B (30 Markah)  
BAHAGIAN C (60 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 8 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*


---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Buku Jawapan.




**Gambar rajah 1**

1. Apakah nama kota bersejarah yang ditunjukkan dalam Gambar rajah 1?  
**A** Indus  
**B** Sanchi  
**C** Mesopotamia  
**D** Mohenjo Daro
  
2. Manakah antara berikut adalah kenyataan yang benar tentang seni bina India?
  - i. Menggunakan sistem maharaja
  - ii. Tamadun awal terbentuk di Lembah Indus
  - iii. Merangkumi India, Pakistan, Bangladesh dan Sri Lanka
  - iv. Kota terbesarnya berpusat di Mohenjo Daro dan Harappa  
**A** i, ii  
**B** i, iii  
**C** ii, iii, iv  
**D** i, ii, iii, iv

*“...mempunyai bilangan lapisan dalam jumlah yang ganjil dan pelan yang berbentuk bulat atau oktagonal...”*

3. Penyataan di atas merujuk kepada elemen binaan seni bina China pada struktur:  
**A** Altar.  
**B** Taizi.

- C Istana.  
 D Pagoda.
4. Manakah antara berikut adalah perincian Pagoda dalam seni bina Jepun?
- Hoju
  - Stupa
  - Ukebana
  - Shimbashira
- A i, ii  
 B i, ii, iii  
 C i, iii, iv  
 D ii, iii, iv



**Gambar rajah 2**

5. Nyatakan elemen binaan yang dilabel 'X' pada Gambar rajah 2 di atas
- A Iwan.  
 B Kubah.  
 C Mihrab.  
 D Hypostyle.
6. Manakah antara berikut merujuk kepada Wat di Raja?
- A Bermula di Songkhla  
 B Bermula di Narathiwat  
 C Hiasan yang berlebih-lebihan  
 D Bingkai hiasan berbentuk segi tiga disaluti gangsa

7. Gaya utama rumah tradisional Thailand adalah
- Mempunyai Gopuram.
  - Dinding rumah berpanel.
  - Mempunyai 'sala' iaitu pavilion.
  - Mempunyai gerbang yang berbentuk tajam.

- A ii, iii  
B ii, iv  
C i, iii, iv  
D ii, iii, iv

*"...bentuknya persegi panjang dan dapat dihuni oleh 5 atau 6 keluarga..."*

8. Penyataan di atas merujuk kepada elemen binaan seni bina Indonesia pada struktur:
- A Pura Bali.  
B Rumah Bolon.  
C Rumah Adat Asmat.  
D Rumah Minangkabau.
9. Atap bersusun tinggi seperti pagoda pada rumah tradisional Indonesia dinamakan
- A Han.  
B Joglo.  
C Gadang.  
D Pelinggih Meru.
10. Manakah antara berikut adalah ciri-ciri rumah tradisional Melayu?
- Bahan daripada batu-bata
  - Makna tertentu pada motif ukiran
  - Penggunaan tanggam dan pasak
  - Binaan boleh dibuka dan dipindahkan ke tempat lain
- A i, ii  
B i, ii, iii  
C i, iii, iv  
D ii, iii, iv

[10 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan. Pilih **TIGA (3)** soalan sahaja.  
Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Stupa digunakan sebagai tempat meditasi pada era seni bina India. Lakarkan pelan lantai dan keratan rentas The Great Stupa, Sanchi berserta label.


(4 markah)

- b. Berdasarkan Jadual 1 di bawah, terangkan **tiga (3)** perbezaan antara gaya utama kuil Hindu purba iaitu Nagara dan Dravida.

Kriteria	Nagara	Dravida
Lokasi		
Saiz		
Ciri-ciri		

**Jadual 1**

(6 markah)

**SOALAN 2****Gambar rajah 3**

- a. Namakan bahagian-bahagian Wat dalam Gambar rajah 3 di atas.  
(4 markah)

- b. Huraikan tiga (3) jenis elemen binaan yang anda pilih berdasarkan bahagian-bahagian Wat tersebut.

(6 markah)

### SOALAN 3

- a. Senaraikan empat (4) jenis Rumah Adat di Indonesia.

(4 markah)


- b. Berdasarkan Jadual 2 di bawah, huraikan tiga (3) perbezaan Rumah Batak Toba dan Rumah Adat Batak Karo.

Kriteria	Rumah Batak Toba	Rumah Batak Karo
Lokasi		
Penghuni		
Reka bentuk		

Jadual 2

(6 markah)

### SOALAN 4



Gambar rajah 4

- a. Labelkan bentuk bumbung rumah tradisional Melayu dalam Gambar rajah 4 di atas.

(4 markah)

- b. Berdasarkan pemahaman anda, huraikan tiga (3) faktor pembinaan rumah tradisional Melayu.

(6 markah)

[30 MARKAH]

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Nyatakan **dua (2)** gaya seni bina yang mempengaruhi seni bina Islam.

(2 markah)

- b. Huraikan **tiga (3)** kriteria dan gaya seni bina Islam.

(6 markah)

- c. Terdapat tiga gaya utama yang dominan yang boleh didapati pada hampir majoriti wilayah Islam bagi rekaan masjid. Lakarkan **tiga (3)** pelan lantai untuk tiga gaya tersebut. Berdasarkan lakaran anda, huraikan **tiga (3)** ciri bagi setiap binaan masjid.

(12 markah)

**SOALAN 2**

- a. Apakah **dua (2)** peranan pegawai dan pemerintah besar dalam pembentukan bandar purba China?

(2 markah)

- b. Terangkan **tiga (3)** konsep perbandaran dalam seni bina tradisional China.

(6 markah)

- c. Huraikan **enam (6)** ciri Tembok Besar China.

(12 markah)

**SOALAN 3**

- a. Nyatakan dua (2) kategori strata sosial Jepun.  
(2 markah)
- b. Terangkan enam (6) perbezaan seni bina awal Jepun pada era Jomon dan era Yayoi.  
(6 markah)
- c. Pagoda ialah tempat untuk menyimpan tinggalan-tinggalan Buddha di dalam kompleks kuil. Lakarkan binaan pagoda tersebut berserta label. Huraikan empat (4) lagi struktur bangunan lain yang terdapat di dalam kompleks kuil selain Pagoda.  
(12 markah)

**[60 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

A

.

